



IKLAN JAWATAN KOSONG LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred Lantikan	Taraf Lantikan
1.	Juruaudit	Kewangan	W41	Kontrak

SKIM PERKHIDMATAN : JURUAUDIT
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI : W41
TARAF LANTIKAN : KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)

JADUAL GAJI

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>	<u>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</u>
RM2,094.00	RM9,585.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,300.73); atau
 - (d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,819.63); atau
 - (e) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,819.63); atau
 - (f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan pada Gred W41: RM2,923.41); atau
 - (g) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM3,027.19)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (online) melalui laman web <https://eperjawatan.luas.gov.my>. Sila rujuk 'manual pengguna' yang disediakan dalam talian.
- (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut ;
 - (a) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - (b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - (c) Pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.

Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**

- (3) Setiap Pemohon perlu membeli No.Pin yang berharga **RM10.00** bagi setiap jawatan. Pembayaran boleh dilakukan secara Tunai di Kaunter LUAS atau secara atas talian.
- (4) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga dan dimohon untuk membawa dokumen-dokumen asal seperti Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil atau bukti lain yang mengesahkan Kerakyatan Malaysia, Sijil Kelulusan Persekolahan, Sijil Tamat Persekolahan, Ijazah/ Diploma dan transkrip/ Surat Pengesahan Kelulusan Akhir Peperiksaan daripada pusat-pusat pengajian, Sijil-sijil lain yang berkaitan dengan jawatan serta Sijil kegiatan luar.
- (5) Pegawai-Pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan sesalinan rekod Kenyataan Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan ; BRP) yang terkini dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang disahkan.
- (6) Calon hendaklah menghantar sesalinan permohonan yang lengkap dicetak melalui laman web <https://eperjawatan.luas.gov.my> dan dokumen-dokumen sokongan seperti di perenggan empat (4) dan lima (5) kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia LUAS pada atau sebelum tarikh tutup permohonan ke alamat seperti bawah :

Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor,
Tingkat 13, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

- (7) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (8) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (9) Pihak LUAS tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses pelantikan jika berkaitan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 OGOS 2023 (JUMAAT)